

PENGETAHUAN TEKNOLOGIKAL PEDAGOGIKAL KANDUNGAN KESUSASTERAAN MELAYU: PERANAN GURU SASTERA DALAM SPN 21

(*Technological Pedagogical Content Knowledge In Malay Literature: The Roles Of Malay Literature Teachers In SPN 21*)

ROZAIMAN MAKMUN

rozaiman.makmun@ubd.edu.bn

Universiti Brunei Darussalam

ZAMRI MAHAMOD

d-zam@ukm.my

Universiti Kebangsaan Malaysia

NOOR IZAM MOHD TAIB

noorizamhjmohdtaib@yahoo.com

Kementerian Pelajaran Malaysia

A. RAHMAN HARON

manlaoshi@gmail.com

Kementerian Pelajaran Malaysia

ABSTRAK: Artikel ini bertujuan untuk membincangkan peranan guru sastera dalam pelaksanaan pendidikan Kesusasteraan Melayu sesuai dengan tuntutan Sistem Pendidikan Negara Abad Ke-21 (SPN 21) di Brunei Darussalam. Perbincangan ini dibuat berdasarkan Pengetahuan Teknologikal Pedagogikal Kandungan (PTPK) yang dikembangkan oleh Punya Mishra dan Matthew J. Koehler daripada idea asal Shulman tentang Pengetahuan Pedagogikal Kandungan (PPK). Perbincangan seterusnya mengarah kepada peranan guru sastera yang berkaitan dengan lima jenis pengetahuan yang saling berhubungan, iaitu pengetahuan kandungan, pengetahuan pedagogikal, pengetahuan latar belakang dan kesediaan pelajar, pengetahuan penaksiran, dan pengetahuan teknologikal. SPN 21 yang baru dilaksanakan pada tahun 2008 menuntut proses pengajaran dan pembelajaran yang lebih berpusatkan pelajar dan mengutamakan penerapan penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi. Artikel ini mempersoalkan sejauh mana pengetahuan guru sastera dalam memenuhi tuntutan ini dan menegaskan bahawa kajian yang berkaitan dengan PTPK guru sastera perlu dilaksanakan. Maklumat yang diperoleh daripada kajian tentang PTPK guru sastera tersebut dijangkakan sangat penting dan perlu sebagai bahan rujukan oleh pihak-pihak yang berkenaan.

Kata kunci: Pengetahuan teknologikal pedagogikal kandungan, pengajaran dan pembelajaran, kesusasteraan Melayu, sistem pendidikan negara abad ke-21, dan pembelajaran berpusatkan pelajar

ABSTRACT: This article by conceptual, aims to discuss the roles of Malay Literature teachers in the implementation of Malay Literature education in accordance with the 21st Century National Education of Brunei Darussalam (SPN 21). This discussion are based on Technological Pedagogical Content Knowledge (PTCK) which was developed by Punya Mishra and Matthew J. Koehler from the original ideas of Shulman's Pedagogical Content Knowledge (PCK). Subsequent discussions led to the role of the teachers of Malay Literature related to the five kinds of interconnected knowledge, the content knowledge; pedagogical knowledge; readiness of students and background knowledge; assessment knowledge; and technological knowledge. SPN 21 was implemented in 2008 to claim the teaching and learning more students centered and emphasized the application of information and communications technology. This article questioned the extent of Malay Literature teachers' knowledge to meet the goals of SPN 21 and asserted that research related to Malay Literature teachers' PTCK need to be conducted. Information obtained from the study is expected to be very important and necessary as a reference by the parties concerned.

Keywords: Technological pedagogical content knowledge, teaching and learning of Malay literature, 21st century national education system, and student-centered learning.

PENGENALAN

Sebagai sebuah negara yang sedang membangun, Negara Brunei Darussalam sedang berusaha untuk melaksanakan pelbagai bentuk perkembangan dan pemajuan. Berbanding Malaysia yang memilih tahun 2020 sebagai wawasan negara maju, Brunei telah menetapkan tahun 2035 sebagai tahap pencapaian wawasannya. Untuk mencapai wawasan ini, masyarakat Brunei perlu memiliki mentaliti yang lebih dinamik, berkembang secara holistik dan berpandangan futuristik dan termasuklah memiliki budaya cintakan ilmu. Untuk nilai yang terakhir tersebut, masyarakat Brunei perlu berusaha menimba ilmu yang berkualiti baik di alam persekolahan mahupun selepas alam persekolahan. Hal ini pernah diutarakan oleh Burns (2004) yang antara lain menegaskan bahawa usaha kerajaan Brunei bagi menggalakkan pendidikan berterusan, antaranya melalui Universiti Brunei Darussalam dengan menawarkan kursus hujung minggu, kelas lanjutan malam, dan cuti semester masih terlalu kecil jika dibandingkan dengan usaha yang dilaksanakan di beberapa buah negara seperti Sweden, Australia, United Kingdom, dan Netherlands yang berjaya mencatatkan antara 37 hingga 50 peratus populasi dewasanya yang mengikuti pendidikan lanjutan.

Menurut Burns lagi, di samping perlunya Brunei menerapkan beberapa pendekatan yang bersesuaian bagi konsep pendidikan sepanjang hayat, aspek sukatan pelajaran, proses penilaian dan kaedah pengajaran dan pembelajaran juga perlukan pembaharuan. Perkembangan yang bersifat holistik kini diambil kira termasuklah perkembangan pendidikan di pelbagai peringkat. Bukan sahaja pendidikan di peringkat rendah, menengah, dan tinggi, bahkan pendidikan dewasa, biasiswa serta latihan dalam perkhidmatan juga kini semakin diberi perhatian.

Untuk mencapai hasrat tersebut, kerajaan kini berusaha untuk menyerapkan nilai pendidikan sepanjang hayat di pelbagai peringkat pendidikan, institusi dan organisasi, baik milik kerajaan maupun milik swasta. Bagi memastikan konsep pendidikan sepanjang hayat difahami dan mampu diadaptasi, Brunei Darussalam telah melaksanakan sistem pendidikan baharu yang dikenali sebagai Sistem Pendidikan Negara Abad Ke-21 atau ringkasnya SPN 21. Konsep ini dipercayai mampu membina keyakinan diri, kreativiti, berpandangan jauh dan bergiat aktif (Kementerian Pendidikan Brunei 2008).

PERKEMBANGAN DASAR DAN SISTEM PENDIDIKAN DI BRUNEI DARUSSALAM

Sejarah perkembangan pendidikan di Brunei Darussalam dapat ditelusuri seawal tahun 1906 ketika Brunei Darussalam berada dalam era naungan sistem pemerintahan Residen (*Brunei Annual Report 1906*). Walaupun pendidikan agama sudah berlaku lebih awal namun perkembangannya sangat terhad kepada pendidikan nonformal, antaranya berlangsung di peringkat institusi keluarga, surau, masjid dan paling jauh dikenali sebagai pendidikan balai. Pendidikan nonformal ini berlanjutan hingga ke zaman naungan Residen.

Sebaik sahaja Residen bertapak di Brunei, sistem pembelajaran yang lebih teratur diperkenalkan dan Sekolah Venakular Rendah Melayu ditubuhkan pada tahun 1914 (*Brunei Annual Report 1914*), menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar. Resident mendatangkan pegawai-pegawai British untuk berkhidmat di Brunei Darussalam. Pada ketika itu kakitangan sokongan seperti kerani diperlukan sehingga timbulah usaha Resident untuk memulakan persekolahan formal di Brunei Darussalam bagi melatih warganegara Brunei dengan pendidikan peringkat rendah, khususnya mampu membaca dan menulis agar dapat mengisi jawatan-jawatan rendah seperti pembantu pejabat.

Sementara itu, pendidikan agama masih tidak mendapat perhatian daripada pihak Residen sehingga pendidikan agama terus berlangsung secara nonformal. Di peringkat awal perkembangan pendidikan, belum ada dasar pendidikan yang ditetapkan. Namun, bagi memperbaiki tahap kehadiran pelajar di sekolah-sekolah, kerajaan telah memperkenalkan *The School Attendance 1929* (*Brunei Annual Report 1929*). Kemudian, pada tahun 1931, pendidikan agama diajarkan secara formal sebagai salah satu subjek di Sekolah Melayu Jalan Pemancha, Pekan Brunei (Awang Asbol 2006). Manakala usaha untuk mewujudkan sekolah agama beraliran Arab pada tahun 1941 hanya bertahan buat seketika lalu terhenti setelah tercetusnya Perang Dunia Kedua. Perkembangan persekolahan di Brunei semakin menggalakkan dengan wujudnya sekolah misi dan sekolah Inggeris swasta di daerah Belait berikutan berkembangnya sektor industri minyak di sana. Pada tahun 1951, Brunei memiliki Sekolah Inggeris Kerajaan yang pertama yang kemudiannya dikenali sebagai Maktab Sultan Omar 'Ali Saifuddien (*Brunei Annual Report 1951*).

Sebelum perang dunia kedua, pendidikan di Brunei Darussalam berlangsung tanpa dasar pendidikan yang jelas kerana perhatian pihak British lebih tertumpu

kepada perkembangan bidang ekonomi dan perindustrian (Salleh 2009). Hanya pada tahun 1954, barulah Jabatan Pelajaran Brunei melaksanakan Dasar Pendidikan 1954 yang antara lain menekankan kedudukan Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar utama, memberikan pendidikan percuma, menggalakkan kemasukan anak-anak Melayu ke sekolah Inggeris, dan sebagainya. Dengan berkembangnya aktiviti pendidikan, Brunei mula mencari sistem pendidikan yang bersesuaian dengan perkembangan masyarakatnya lalu mendatangkan pakar pendidikan dari Tanah Melayu.

Berikutan itu, Laporan Aminuddin Baki dan Paul Chang 1959 telah membawa perubahan Dasar Pendidikan Negara 1962 yang antara lain lebih menegaskan tentang penggunaan Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar utama, perlunya mengadakan sistem dan kurikulum yang selaras, mewajibkan bahasa Inggeris, serta perlunya latihan perguruan. Dasar pendidikan kemudiannya dimantapkan lagi dengan terhasilnya Dasar Pendidikan 1972 yang antara lain menekankan pendidikan agama Islam, mengukuhkan pendidikan bahasa Inggeris dan lebih menekankan tentang kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar utama.

Boleh dirumuskan bahawa dasar pendidikan di Brunei hanya semakin kukuh setelah merdeka. Pada tahun 1984, Dasar Pendidikan Dwibahasa diperkenalkan dengan menekankan penggunaan bahasa Melayu dan bahasa Inggeris dengan lebih jelas bagi subjek-subjek tertentu. Pemantapan ini diteruskan lagi dengan penyerapan konsep Melayu Islam Beraja, iaitu Falsafah Negara sebagai satu subjek khas dan sebagai nilai yang diserapkan ke dalam subjek-subjek lain. Saleh (2009: 215) merumuskan bahawa Dasar Pendidikan 1962 dan dasar Pendidikan 1972 tidak berjaya dilaksanakan sepenuhnya. Menurut beliau, hal ini antara lain disebabkan banyak perkara. Antara lain yang berkaitan dengan objektif penulisan artikel ini ialah:

1. Dasar Pendidikan 1962 tidak diumum secara meluas kepada pihak sekolah. Oleh itu guru-guru tidak mengetahui dengan sepenuhnya.
2. Kerajaan Brunei terpaksa bergantung kepada pakar-pakar luar seperti Malaysia, Singapura dan England dari segi kurikulum, guru-guru dan pelaksanaan peperiksaan.
3. Sikap masyarakat Brunei yang memandang rendah terhadap kepentingan bahasa Melayu. Ramai ibu bapa menghantar anak-anak mereka ke sekolah aliran Inggeris.
4. Kekurangan guru-guru dan pegawai yang berkemahiran dan berkelulusan tinggi.

Faktor-faktor yang digarisbawahi di atas merupakan permasalahan yang berkaitan dengan tahap PTPK guru dan pegawai-pegawai yang terlibat dalam proses pendidikan di Brunei Darussalam. Guru-guru sebagai agen pelaksana dasar dan sistem pendidikan perlu diperlengkap dengan pengetahuan dan kemahiran yang merangkumi proses pengajaran dan pembelajaran, mengetahui latar belakang pelajar dan masyarakat, memahami persekitaran pendidikan, mampu menyesuaikan strategi pengajaran dan pembelajaran dengan perkembangan semasa, termasuklah perkembangan teknologi pendidikan, serta menguasai kandungan dan sukan pelajaran yang telah ditetapkan oleh dasar dan sistem pendidikan.

SPN 21 DAN KONSEP PENDIDIKAN SEPANJANG HAYAT

Negara Brunei Darussalam kini bergerak secara proaktif untuk mencapai wawasan 2035 sebagai sebuah negara maju yang memiliki warganegara yang berilmu, kreatif, kritis dan inovatif. Perkembangan individu secara holistik menjadi aspirasi negara untuk melahirkan warganegara yang berprestasi tinggi dan mampu menyumbang secara konsisten terhadap pembangunan negara yang kini dipelbagaikan daripada segenap aspek. Setiap kementerian dan institusi di negara ini kini bergerak ke arah Wawasan 2035.

Sejajar dengan wawasan negara tersebut, Kementerian Pendidikan Negara Brunei Darussalam mula memperkasa inisiatif melalui perubahan proses pendidikan dengan merekabentuk satu sistem pendidikan yang dipercayai lebih relevan dengan tuntutan Wawasan 2035. Sistem terbaru ini dikenali sebagai Sistem Pendidikan Negara Abad Ke-21 atau ringkasnya SPN 21. Melalui sistem ini, Kementerian Pendidikan berhasrat untuk melahirkan generasi muda yang berkemahiran, khususnya menguasai kemahiran abad ke-21 agar dapat menjadi warganegara yang berkebolehan, kreatif dan cerdas fikiran; mengamalkan nilai-nilai mulia bagi mempamerkan imej dan identiti yang sebenar dan positif agar dapat hidup dan bersaing di tengah-tengah era globalisasi (SPN21 2008).

Jadual 1. Perbezaan sistem pendidikan asal dengan SPN 21

| Jangkaan Umur Di Setiap Tahap Persekolahan | Sistem asal | Sistem Pendidikan Negara Abad ke-21 SPN 21 | | | |
|---|---|--|---------------------------------|---|---------------------------------|
| 5 Tahun | Prasekolah | Prasekolah | | | |
| 6 – 11 Tahun | Darjah 1 – 6 Penilaian Sekolah Rendah (PSR) | Tahun 1 – 6 Penilaian Sekolah Rendah (PSR) | | | |
| 12 – 16 Tahun | Menengah 1 | Tahun 7 | PROGRAM MENENGAH 4 TAHUN | Tahun 7 | PROGRAM MENENGAH 5 TAHUN |
| | Menengah 2 | Tahun 8 Penilaian Kemajuan Pelajar | | Tahun 8 Penilaian Kemajuan Pelajar | |
| | Menengah 3 Penilaian Menengah Bawah (PMB) | Tahun 9 | | Tahun 9 | |
| | Menengah 4 | Tahun 10 Peperiksaan BC GCE Peringkat 'O' | | Tahun 10 | |
| | Menengah 5 Peperiksaan BC GCE Peringkat 'O' | | | Tahun 11 Peperiksaan BC GCE Peringkat 'O' | |

Sumber: disesuaikan daripada Sistem Pendidikan Negara Abad ke-21 (2008:6)

Pada tahun 2008, Kementerian Pendidikan mengukir sejarah dengan melancarkan Sistem Pendidikan Negara Abad Ke-21 (SPN 21) secara bertahap bermula dengan pelajar Tahun 7. Proses peralihan dilakukan secara berperingkat agar pelajar-pelajar yang masih mengikuti sistem asal tidak berasa terganggu. Pada tahun 2012, semua pelajar akan mengikuti SPN 21 dari Tahun 1 hingga Tahun 10, kecuali jika ada pelajar Tahun 10 (tahun 2011) yang gagal dalam peperiksaan O level dalam tahun 2011. Selepas itu kohot pelajar Tahun 10 (Menengah 5) sistem asal dijangka tidak lagi wujud.

Melalui Jadual 1, perbezaan antara sistem pendidikan asal dan SPN 21 dapat dilihat dengan jelas, iaitu dari segi gelaran darjah atau peringkat pendidikan dan tahap penilaian atau peperiksaan awam yang perlu diduduki pelajar. Peringkat pendidikan menengah dikategorikan kepada dua program, iaitu Program Pendidikan Menengah 4 Tahun dan Program Pendidikan Menengah 5 Tahun. Pengaliran pelajar bagi kepada kedua-dua program tersebut adalah tertakluk kepada pencapaian pelajar di samping syarat tertentu yang telah ditetapkan. Bagi mengikuti Program Pendidikan Menengah 4 Tahun, pelajar hendaklah lulus dengan cemerlang dalam Peperiksaan PSR atau SPA. Manakala pelajar yang layak mengikuti Program Menengah 5 Tahun merupakan pelajar yang memperoleh keputusan sangat baik, sederhana dan lemah dalam Peperiksaan PSR atau SPA.


PENGETAHUAN TEKNOLOGIKAL PEDAGOGIKAL KANDUNGAN GURU SASTERA

Di samping *English Language, Mathematics, Science*, Pengetahuan Agama Islam dan Melayu Islam beraja (MIB), Bahasa Melayu juga ditempatkan sebagai subjek teras. Walaupun Kesusasteraan Melayu ditempatkan sebagai subjek elektif, namun bahan-bahan bercorak Kesusasteraan Melayu tetap menjadi bahan ajar dalam subjek Bahasa Melayu. Hal ini bermakna, guru Bahasa Melayu perlu memiliki pengetahuan kandungan Kesusasteraan Melayu dan menguasai perkaedahan pengajaran untuk menyerapkan bahan Kesusasteraan Melayu sebagai bahan ajar. Manakala Guru Kesusasteraan Melayu pula perlu memiliki pengetahuan kandungan untuk mengajarkan Kesusasteraan Melayu sebagai subjek elektif.

Idea Shulman (1986) kemudiannya dikembangkan oleh Punya Mishra dan Matthew J. Koehler (2006) dengan menambahkan bulatan ketiga yang disebut sebagai pengetahuan teknologikal. Mereka berpendapat bahawa proses pengajaran dan pembelajaran perlu memanfaatkan perkembangan teknologi. Pengetahuan teknologikal guru yang dimaksudkan merangkumi teknologi pendidikan asas seperti penggunaan buku teks, papan tulis, sehinggalah penggunaan teknologi terkini seperti komputer, internet, multimedia, papan interaktif dan seumpamanya yang digunakan bagi mempermudah proses pengajaran dan pembelajaran bertujuan untuk membantu pelajar mendekati atau memahami subjek. Dengan menambahkan satu bulatan pengetahuan teknologikal, mereka telah mengembangkan idea Shulman tentang pasangan interseksyen pengetahuan yang dikenali sebagai Pengetahuan Pedagogikal Kandungan menjadi:


1. Pengetahuan Pedagogikal Kandungan
2. Pengetahuan Teknologikal Kandungan
3. Pengetahuan Teknologikal Padagogikal
4. Pengetahuan Teknologikal Pedagogikal Kandungan

Rajah 1 dan 2 menerangkan kaitan antara keempat-empat pasangan interseksyen pengetahuan tersebut dirumuskan sebagai Pengetahuan Teknologikal Pengetahuan Kandungan (PTPK).



Rajah 1. Bulatan Pengetahuan Kandungan dan Pengetahuan Pedagogikal digabungkan oleh Pengetahuan Pedagogikal Kandungan.

(sumber: Punya Mishra & Matthew J.Koehler, 2006:1022)



Rajah 2. Pengetahuan Teknologikal Pedagogikal Kandungan.
Ketiga-tiga bulatan, Kandungan, Pedagogi dan Teknologi saling bertembung mewujudkan empat jenis pengetahuan saling berhubung.
(sumber: Punya Mishra & Matthew J.Koehler, 2006:1025)

PERLUNYA KAJIAN TERHADAP PTPK GURU SASTERA

Untuk memastikan SPN 21 dapat mencapai inisiatif pelan strategik Kementerian Pendidikan sejajar dengan keperluan dan hasrat Wawasan 2035, perubahan dan pengubahsuaian dilakukan terutamanya kepada kurikulum, kokurikulum, sistem penilaian, proses pengajaran dan pembelajaran. Satu hal yang perlu diberi perhatian ialah peranan yang dimainkan oleh guru termasuklah guru sastera sebagai orang yang paling dekat dengan pelajar. Apapun perubahan yang ingin dilaksanakan, guru sastera sebagai agen pelaksana perlu memiliki keterampilan yang diperlukan. Justeru itu, kajian terhadap PTPK guru sastera perlu dilaksanakan secara komprehensif.

PTPK ini merangkumi empat bidang yang disebutkan tadi, iaitu Kurikulum dan Kokurikulum; Sistem Penilaian; Proses Pengajaran dan Pembelajaran; dan Teknologi Pendidikan. PTPK guru sastera menjadi penting kerana SPN 21 menekankan

penggunaan teknologi pendidikan dan menegaskan keterampilan pelajar dalam menguasai kemahiran abad 21 yang antara lain merangkumi kemahiran menggunakan teknologi maklumat dan komunikasi yang disebut sebagai Literasi Digital (Jabatan Perkembangan Kurikulum 2008). Dalam SPN 21, kemahiran asas yang perlu diserapkan adalah relevan dengan kemahiran abad 21 sebagai kemahiran dan pendidikan sepanjang hayat. Kemahiran-kemahiran lain yang diserapkan ialah kemahiran berkomunikasi, kemahiran numerasi, kemahiran berfikir dan menyelesaikan masalah, kemahiran pengurusan diri dan kompetitif, kemahiran belajar dan bekerja, kemahiran sosial, kemahiran fizikal dan kemahiran estetika (Jabatan Perkembangan Kurikulum, 2008).

Justeru, kajian yang emperikal mengenai PTPK guru sastera di Brunei Darussalam perlu dilaksanakan bagi mengumpul maklumat yang diperlukan agar dapat dijadikan bahan rujukan oleh pihak-pihak yang berkenaan. Berikut ini dibincangkan lima faedah yang mampu menunjukkan kepentingan maklumat tentang PTPK guru sastera.

Maklumat Berkенаan PTPK Guru Sastera: Pengetahuan Kandungan

Kandungan sukatan pelajaran pendidikan Kesusasteraan Melayu di Brunei Darussalam bagi peringkat menengah terbahagi kepada dua bahagian utama, iaitu karya prosa dan puisi tradisional dan karya prosa dan puisi moden. Karya prosa moden terdiri daripada cerpen, novel, dan drama, manakala karya puisi moden menggunakan sajak. Bagi karya prosa tradisional pula, pelajar akan diajar tentang hikayat, sejarah dan intisari karya-karya klasik. Manakala pantun dan syair diajarkan bagi puisi tradisional (Jabatan Perkembangan Kurikulum 1995).

PTPK berkenaan sukatan pelajaran yang ditetapkan sangat penting dikaji kerana guru merupakan fasilitator bagi memudahkan proses pembelajaran pelajar. Matlamat utama proses pengajaran dan pembelajaran ialah bagi pelajar mendapatkan kefahaman yang jelas dan meningkatkan prestasi mereka dalam penaksiran. Kefahaman pelajar tentang isi pelajaran bergantung pula kepada kemampuan mereka menanggapi konsep-konsep dalam pendidikan kesusasteraan yang didapati bukan mudah untuk diajarkan. Konsep seperti jalan cerita, plot, watak dan perwatakan, persoalan, tema, perutusan, pengajaran, nilai, dan banyak sukar untuk difahami. Justeru itu, pengetahuan guru berkenaan isi dan konsep kandungan pelajaran Kesusasteraan Melayu perlu dikaji kerana guru memainkan peranan yang penting dalam proses pembelajaran pelajar.

Maklumat Berkenaan PTPK Guru Sastera: Pengetahuan Perkaedahan P&P

Aspek pengajaran dan pembelajaran pula memerlukan keterampilan guru untuk mengadaptasi perkaedahan yang lebih bersesuaian dengan kehendak SPN21. Pendekatan pengajaran dan pembelajaran berpusatkan pelajar perlu dikuasai dan guru perlu bersedia untuk meninggalkan pendekatan tradisional yang selama ini diamalkan. Namun begitu, sejauh mana kesediaan guru untuk menggunakan pendekatan berpusatkan pelajar masih menjadi tanda tanya.

Dari segi proses pengajaran dan pembelajaran pula, SPN 21 menuntut corak atau pendekatan pengajaran dan pembelajaran yang lebih berpusatkan pelajar. Usaha ini perlu untuk melahirkan warganegara yang proaktif dan mampu menyelesaikan masalah secara kritis dan kreatif. Hal ini bermakna pendekatan tradisional atau konvensional yang lebih bersifat suapan dan lebih berpusatkan guru kini didapati tidak begitu relevan. Aktiviti pembelajaran yang dialami oleh pelajar itu seharusnya menjadi salah satu daripada proses pembelajaran itu sendiri. Oleh itu, pelajar perlu dilibatkan secara aktif dalam sepanjang proses pengajaran dan pembelajaran. Pelajar perlu lebih bertanggungjawab dan memainkan peranan yang aktif sepanjang proses itu. Menurut Juriah Long (1998), guru seharusnya menguasai kaedah pengajaran yang lebih bersistem, dinamik dan memberikan peluang kepada pelajar untuk terlibat secara aktif.

Justeru, pendekatan, kaedah, teknik dan aktiviti pembelajaran pelajar hendaklah diubah daripada cara tradisional kepada cara yang lebih inovatif, proaktif dan dinamik serta menggalakkan gaya pembelajaran akses kendiri, konstruktif, pembelajaran aktif, koperatif, kolaboratif, inkuiri dan seumpamanya yang lebih berfokuskan pelajar. Hal ini bertentangan dengan gaya pembelajaran tradisional dalam sistem asal (sebelum SPN 21) yang lebih berfokuskan guru.

Maklumat Berkennaan PTPK Guru Sastera: Pengetahuan Penaksiran

Di samping penekanan kurikulum yang seimbang, perubahan yang sangat ketara juga berlaku kepada sistem penilaian. Jadual 2 menunjukkan bahawa Penilaian Kemajuan Pelajar atau Student Progress Assessment (SPA) dalam SPN 21 mengandungi dua komponen penilaian, iaitu Penilaian Kendalian Sekolah atau *School-Based Assessment* (SBA) dan Peperiksaan Kemajuan Pelajar atau *Student Progress Examination* (SPE). SBA lebih bersifat formatif yang dikendalikan secara berterusan sedangkan SPE lebih bersifat sumatif yang dikendalikan pada penghujung semester atau tahun. Melalui SPA, proses pemilihan pelajar boleh dilaksanakan sama ada layak untuk mengikuti Program Pendidikan Menengah 4 Tahun, atau Program Pendidikan Menengah 5 Tahun.

Pada tahun 2011, BCATS telah dimulai di peringkat tahun 7 sebagai salah satu instrumen penaksiran kemajuan pelajar. Melalui BCATS, pelajar secara individu dikehendaki menyediakan satu tugas bagi setiap subjek. Antara tugas yang diberikan ialah pembentangan, projek, persembahan dan sebagainya. Guru subjek dikehendaki menilai berdasarkan kriteria piawai yang telah ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan. Selain penilaian guru subjek, BCATS juga memperuntukkan penilaian rakan sebaya yang akan diberikan oleh rakan pelajar dalam kelas yang sama.

Melalui BCATS, pelajar dikehendaki menguasai keterampilan komunikasi dan menggunakan maklumat. Misalnya, untuk menghasilkan pembentangan yang cemerlang, pelajar dikehendaki menguasai tata cara pembentangan yang bersistematik, keupayaan menggunakan bahasa lisan, teknik komunikasi bersama audiens dan penyampaian maklumat yang berkesan. Keterampilan ini diharapkan menjadi sebahagian daripada kriteria pelajar yang cemerlang dan seimbang, berani berucap di hadapan khayalak dan mampu menggunakan maklumat yang relevan.

Jadual 2. Komponen Penilaian Kemajuan Pelajar (SPA)

| Penilaian Kemajuan Pelajar (Student Progress Assessment) (SPA) | |
|---|---|
| Peperiksaan Kemajuan Pelajar (Student Progress Examination) (SPE) <ul style="list-style-type: none">• Mata pelajaran teras akan dikendalikan oleh Jabatan Peperiksaan.• Lain-lain mata pelajaran dikendalikan oleh Komiti Khas. | Penilaian Kendalian Sekolah (School-Based Assessment) (SBA) <ul style="list-style-type: none">• Ujian, kerja rumah, kerja kelas, kerja amali, kerja di luar bilik darjah, kerja projek akan dikendalikan oleh pihak sekolah. |

Sumber: disesuaikan dari Sistem Pendidikan Negara Abad ke-21 (2008: 20)

Guru sastera tidak akan terlepas daripada terlibat dalam proses penaksiran pelajar. Setiap subjek yang diajarkan memerlukan penilaian berbentuk formatif. Di samping penilaian dalam kelas, pelajar sastera akan diminta menghasilkan tugas, projek atau aktiviti amali yang bersesuaian. Justeru, pengetahuan dan kemahiran guru sastera bagi mengendalikan proses penaksiran sangat penting bagi menjayakan SPN 21.

Maklumat Berkenaan PTPK Guru Sastera: Persekutaran dan Kesediaan Pelajar

SPN 21 menuntut kesediaan pelajar untuk lebih terlibat secara aktif dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Namun begitu, hambatan yang mungkin berlaku dalam proses ini boleh saja berpunca daripada pelajar sendiri dan persekitaran. Hal ini mungkin berlaku kerana pelajar mempunyai latar belakang, kriteria dan gaya pembelajaran yang berbeza-beza. Menurut Abd. Ghafar (2003), kesediaan belajar pelajar, antaranya boleh dipengaruhi oleh kematangan fizikal dan mental, pengalaman dan pengetahuan sedia ada, kemahiran asas, mengekalkan perhatian; dorongan atau motivasi, serta aspek sosial dan persekitaran. Justeru, pengetahuan guru berkenaan latar belakang pelajar kini menjadi semakin penting, lebih-lebih lagi SPN 21 menuntut proses pengajaran dan pembelajaran yang berpusatkan pelajar dan mengambil kira dengan perkembangan semasa dan masyarakat.

Lebih berpusatkan pelajar bermakna pelajar perlu dididik agar tidak terlalu bergantung kepada guru, nota dan buku teks. Pelajar digalakkan mencari maklumat di luar bilik darjah, khususnya melalui rujukan melalui bacaan tambahan, perpustakaan, rujukan lapangan dan internet. Sehubungan itu, pihak Kementerian Pendidikan, melalui Jabatan Perkembangan Kurikulum telah mengambil inisiatif dengan menukar sebahagian buku teks yang sedia ada dengan buku teks yang lebih dinamik. Dalam erti kata lain, buku teks berkenaan lebih bersifat mencabar serta memerlukan pelajar membuat rujukan tambahan dan lebih kreatif dalam menggunakan maklumat luar bilik

darjah. Pembelajaran tidak semestinya berlaku dalam bilik darjah, pelajar perlu terdedah dengan dunia sebenar, sesuai dengan konsep pendidikan sepanjang hayat yang kini ditekankan dalam SPN 21.

Maklumat Berkenaan PTPK Guru Sastera: Pengetahuan Teknologikal P&P

Kemahiran mengumpul maklumat merupakan kemahiran abad 21 yang sangat penting dikuasai oleh pelajar sekolah. Dunia maklumat adalah dunia tanpa sempadan. Dengan kemudahan Internet dan laman sesawang bermaklumat, pelajar seharusnya mempunyai perbendaharaan maklumat yang tidak terbatas. Pelajar seharusnya datang ke bilik darjah dengan maklumat-maklumat yang lebih lengkap dan lebih mencabar. Pelajar moden tidak hanya perlu bergantung kepada nota sediaan guru. Kini guru hanya sebagai penyelia, fasilitator, dan pembimbing. Manakala sumber maklumat yang sebenarnya adalah persekitaran pelajar dan dunia sebenar. Oleh itu, pelajar perlu dibimbing untuk merujuk, membaca dan menyentesis maklumat melalui bahan bacaan yang pelbagai, perpustakaan, arkib negara, muzium, internet, malahan berupaya melaksanakan kajian lapangan seperti menemu bual dan membuat pemerhatian.

Pendekatan tradisional yang lebih berpusatkan guru kini dianggap tidak relevan dengan arus globalisasi. Pelajar perlu berdikari dan memiliki inisiatif terhadap gaya pembelajaran kendiri. Budaya meneroka perlu diasuh dan dipertajam dengan memanfaatkan kemahiran abad 21, antaranya kemahiran mengumpul maklumat dan teknologi komunikasi.

Pengadaptasian dan penggunaan teknologi dalam proses pengajaran dan pembelajaran perlu berlaku. Namun, hal ini memerlukan pengetahuan dan kemahiran guru dan pelajar. Usaha pihak kementerian dalam menyediakan prasarana dan kemudahan teknologi pendidikan akan menjadi sia-sia jika kemudahan ini tidak digunakan dengan sewajarnya. Justeru, pengetahuan guru dalam teknologikal kandungan dan teknologikal pedagogikal kini semakin penting dan kajian mengenainya perlu dilaksanakan.

SIGNIFIKAN PELAKSANAAN KAJIAN PTPK

Dapatan kajian tentang tahap pengetahuan teknologikal pedagogikal kandungan guru sastera setentunya diperlukan sebagai dokumentasi maklumat yang boleh dijadikan bahan rujukan oleh pihak-pihak berkenaan dalam merancang dan melaksanakan peranan masing-masing. Kajian PTPK boleh dilaksanakan berdasarkan perbandingan antara guru sastera berlainan tahap pengalaman; latar belakang pendidikan atau lokasi sekolah.

Dapatan kajian setentunya dapat dijadikan bahan rujukan oleh guru-guru sastera tentang pelbagai aspek yang berkaitan dengan kandungan subjek Kesusasteraan Melayu, proses pengajaran dan pembelajaran, pengetahuan sedia ada pelajar dan persekitaran pembelajaran, proses penaksiran, dan penerapan teknologi maklumat dan komunikasi. Sebagai contoh, dapatan kajian yang mungkin berkaitan dengan

permasalahan penerapan teknologi maklumat boleh digunakan oleh pihak pentadbiran sekolah untuk merancang strategi tertentu untuk mengatasi masalah yang dihadapi.

Maklumat tersebut juga berguna kepada pihak Kementerian Pendidikan Negara Brunei Darussalam serta jabatan-jabatan, bahagian-bahagian dan unit-unit di bawahnya yang terlibat secara langsung dengan proses pendidikan Kesusastraan Melayu. Pelbagai perkara yang mungkin mempengaruhi pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran serta penerapan teknologi pendidikan boleh dikenal pasti dan tindakan mengenainya boleh dicadangkan atau pihak yang lebih berkemahiran boleh didatangkan bagi mengatasinya.

Dapatkan kajian yang berkaitan dengan peranan guru sastera boleh dijadikan maklumat sandaran bagi institusi-institusi pendidikan yang berperanan sebagai pengeluar tenaga guru. Hal-hal yang berkaitan dengan kandungan kursus boleh disemak semula atau dimantapkan bagi memenuhi keperluan sistem pendidikan sekarang. Kursus-kursus lanjutan, seminar, bahkan latihan dalam perkhidmatan dalam bidang yang berkaitan boleh ditawarkan kepada guru-guru sastera khususnya dan kepada guru-guru lain amnya.

Pihak Dewan Bahasa dan Pustaka, perpustakaan awam dan swasta yang lain boleh menggunakan maklumat yang berkaitan untuk membawa masuk bahan rujukan dan buku-buku yang berkaitan dengan permasalahan yang dibincangkan dalam kajian ini. Penulis-penulis tempatan pula boleh digalakkan untuk menghasilkan penulisan yang bersesuaian dan mengolah maklumat yang terkumpul dalam kajian ini serta membincangannya dari pelbagai perspektif dan bidang-bidang tertentu.

KESIMPULAN

Guru era SPN 21 diharapkan dapat mempertingkat kualiti pendidikan dan menghasilkan pelajar yang memenuhi hasrat dan aspirasi negara menjelang tahun 2035 sebagai sebuah negara bangsa yang memiliki rakyat berpendidikan, berkemahiran tinggi dan berjaya. Negara Brunei Darussalam juga diharapkan menjadi negara yang berdaya tahan dengan kestabilan ekonomi, memiliki sistem pendidikan yang dan kehidupan rakyat yang berkualiti tinggi (SPN21:2). Hasrat Kementerian Pendidikan untuk menyokong Wawasan 2035 mungkin akan sukar dicapai jika barisan gurunya masih dibelengu dengan corak pendidikan yang bersifat konvensional. Sistem pendidikan konvensional yang melihat guru sebagai pusat proses pemelajaran cenderung melahirkan pelajar yang kurang berdikari. Hal ini kerana pelajar terbiasa dengan kaedah suapan yang kini dianggap sebagai pendekatan tradisional. Mereka hanya menerima maklumat dan bergantung kepada nota dan buku teks yang disediakan. Sistem penilaian asal juga menggalakkan persaingan secara individu dan terlalu mengamalkan exam-oriented dan dipercaya menjadi punca lahirnya pelajar yang bersifat individualistik dan tidak suka bekerja secara berkumpulan. Hal ini jika berterusan akan mengagalkan Wawasan 2035 yang antara lain menginginkan tenaga kerja yang memahami peranan masing-masing dalam suasana bekerja berpasukan. Namun semua ini bergantung pula dengan tahap pengetahuan teknologikal pedagogikal

kandungan guru sebagai orang yang memainkan peranan dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

RUJUKAN

- Abd. Ghafar Md. Din. (2003). *Prinsip dan amalan pengajaran*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Awang Asbol Mail. (2006). *Sejarah perkembangan pendidikan di Brunei 1950-1985*. Bandar Seri Begawan: Pusat Sejarah Brunei, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.
- Brunei annual report*. (1906). Negara Brunei Darussalam.
- Brunei annual report*. (1914). Negara Brunei Darussalam.
- Brunei annual report*. (1929). Negara Brunei Darussalam.
- Brunei annual report*. (1951). Negara Brunei Darussalam.
- Jabatan Perkembangan Kurikulum. (1995). *Huraian sukan pelajaran Kesusasteraan Melayu*. Bandar Seri Begawan: Kementerian Pendidikan Negara Brunei Darussalam.
- Jabatan Perkembangan Kurikulum. (2008). *Kerangka dan panduan bagi kurikulum dan penilaian Bahasa Melayu*. Bandar Seri Begawan: Kementerian Pendidikan Negara Brunei Darussalam.
- Juriah Long, Ed. (1998). *Inovasi dalam perkaedahan pengajaran: Bahasa, Sains Sosial dan Teknologi Maklumat*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mishra, P. & Koehler, M.J. (2006). Technological pedagogical content knowledge: A framework for teacher knowledge. Dalam *Teachers College Record*. Columbia University. Volume 108, Number 6, June 2006, pp. 1017-1054.
- Robert B Burns. (2004). *Lifelong learning and andragogy*. Monograph. Sultan Hassanal Bolkiah Institute of Education, Universiti Brunei Darussalam. Number 9, May 2004.
- Salleh Lebar. (2009). *Pengurusan sekolah di Malaysia dan Negara Brunei Darussalam: Kecemerlangan akademik dan kokurikulum*. Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei.
- Shulman, L. S. (1986). Paradigms and Research Programs in the Study of Teaching: A Contemporary Perspective. Dalam M. C. Wittrock, Ed. *Handbook of Research on Teaching* (3rd Edition). New York: McMillian Publishing Company.
- Sistem Pendidikan Negara Abad Ke-21: SPN 21. (2008). Kementerian Pendidikan Negara Brunei Darussalam.

Maklumat lanjut, boleh hubungi:

Rozaiman Makmun
Universiti Brunei Darussalam
Brunei.
rozaiman.makmun@ubd.edu.bn